



TENGKU AHMAD BADLI SHAH (tengah) bersama penerima biasiswa Agrobank pada sambutan Aidilfitri Agrobank di Kuala Lumpur semalam.

Agrobank beri biasiswa kepada lima pelajar cemerlang

KUALA LUMPUR – Agrobank menganugerahkan biasiswa sebanyak RM221,000 kepada lima pelajar cemerlang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan.

Penerima terdiri daripada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda dalam jurusan Sains Komputer, Sistem Maklumat, Perakaunan, Sains Statistik dan Ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaya (UM).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, biasiswa yang ditawarkan adalah sebahagian daripada usaha pihaknya dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat bagi memastikan pelajar mendapat akses kepada pendidikan berkualiti.

"Tajaan biasiswa ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk menyertai pelbagai program dan aktiviti yang dirangka bagi menggalakkan mereka membina rangkaian

profesional bersama pihak Agrobank serta menyokong aspirasi kerjaya mereka," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Agrobank di sini semalam.

Biasiswa Agrobank, yang diperkenalkan sejak tahun 2013 memberi manfaat dari segi bantuan kewangan kepada para pelajar yang memenuhi syarat kelayakan dan mempunyai rekod akademik yang cemerlang.

Setakat 2023, Agrobank telah menaja 39 orang pelajar terpilih di seluruh negara.